

## *PdP Perumpamaan Berasaskan Pengajaran Pembezaan*

**Nur Yasmin Muhammad Nasser Hussein**

nur\_yasmin\_muhammad@schools.gov.sg

**Nurulhuda Ahmad**

nurulhuda\_ahmad@schools.gov.sg

**Sekolah Menengah Jurong West**

### *Abstrak*

Keperluan memahami peribahasa harus ditekankan dalam kalangan para pelajar kerana peribahasa merupakan salah satu komponen pembelajaran bahasa yang dipenuhi dengan nilai budaya yang tinggi. Penggunaan peribahasa harus dibiasakan dan dititikberatkan sejak di peringkat sekolah lagi. Kaedah yang dipilih bagi para pelajar mempelajari peribahasa haruslah mampu meningkatkan rasa ingin tahu dan memastikan penerapannya relevan dalam kehidupan seharian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan Pengajaran Pembezaan dan aktiviti bersifat terbuka (*Open-ended Activity*) sebagai usaha untuk meningkatkan pembelajaran dan penguasaan peribahasa para pelajar. Pengkaji telah menjalankan tinjauan untuk menganalisis pengetahuan sedia ada pelajar dan menggalakkan pelajar untuk membuat refleksi serta menghasilkan kertas ujian peribahasa sendiri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan terhadap makna peribahasa yang diberikan sudah mula menampakkan hasil yang positif. Pengkaji percaya secara tidak langsung, pembelajaran dengan menggunakan wadah buku kecil portfolio peribahasa saya dan Pengajaran Pembezaan dapat memanfaatkan pelajar dalam mempelajari dan menguasai peribahasa.

**Kata Kunci:** peribahasa, pengajaran pembezaan, aktiviti terbuka, buku kecil portfolio

## PENGENALAN

Peribahasa merupakan komponen yang sering memberikan cabaran kepada guru untuk mengajar pelajar. Lantaran, pelajar keberatan untuk menggunakan peribahasa dalam perbualan seharian, perbincangan lisan mahupun penulisan karangan.

Masalah ini wujud kerana pelajar tidak dapat memahami makna tersirat dalam peribahasa tersebut. Pelajar hanya membaca peribahasa dan makna peribahasa yang disenaraikan tanpa memahami maksud yang ingin disampaikan. Pelajar selalunya tidak mencari peluang untuk menggunakan peribahasa. Sebahagian pula beranggapan peribahasa kurang sesuai digunakan dalam kehidupan dunia moden.

Menurut Haskell (2001), penghafalan sekadar memerlukan pelajar untuk ingat apa yang mereka pelajari tanpa menekankan kepentingan memahami dan menggunakan apa yang mereka pelajari dalam kehidupan seharian. Pembelajaran peribahasa seharusnya melibatkan pembentukan ilmu pengetahuan melalui pengalaman dengan dunia luar dan interaksi sosial pelajar. Kesan daripada itu menjana hubungan yang aktif antara pengetahuan sedia ada pelajar dengan pengalaman baharu untuk membentuk pembelajaran yang lebih bermakna.

Pengkaji mengetengahkan strategi *Open-ended Activity* atau aktiviti bersifat terbuka untuk membentuk pemahaman peribahasa yang lebih bermakna. Strategi ini merupakan salah satu daripada pendekatan dalam pengajaran pembedaan untuk membentuk corak pembelajaran yang bebas dan interaktif. Menurut Killen (2007), satu cara mudah untuk mengesahkan pemahaman yang baik adalah apabila pelajar menganggap pelajaran yang diterima masuk akal. Para pelajar kemudiannya dapat merumuskan sendiri pemahaman itu dan mengaplikasikannya supaya menjadi lebih bermakna.

## PERNYATAAN MASALAH

Para pelajar menghadapi masalah menggarap makna peribahasa melalui perlambangan-perlambangan abstrak. Perkataan-perkataan abstrak dalam peribahasa juga menjadi masalah bagi para pelajar. Jalan pintas yang sering digunakan guru ialah melalui teknik hafalan dan latih tubi untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan. Peribahasa yang dipelajari kemudiannya dilupakan dan tidak diaplikasikan dalam komponen lain pembelajaran Bahasa Melayu.



Pengajaran peribahasa yang dilakukan di sekolah cenderung berpusatkan guru. Guru memberikan penjelasan tentang maksud peribahasa yang hendak diajarkan sementara pelajar terlibat secara pasif sebagai penerima maklumat. Corak pengajaran peribahasa seharusnya diajarkan kepada pelajar bagi pemahaman secara mendalam dan digunakan secara meluas dalam kehidupan harian mereka. Oleh demikian, penggunaan aktiviti terbuka dijadikan strategi agar pelajar lebih jelas memahami makna yang tersirat apabila diuji dalam pelbagai senario yang berbeza.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk:

1. meneliti keberkesanan pengajaran dan pembelajaran peribahasa melalui penggunaan aktiviti secara terbuka; dan
2. mengukuhkan dan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar menggunakan peribahasa dalam perbualan dan penulisan mereka.

## **KAJIAN LEPAS**

Menurut Dr. Abdul Majeed Hameed Joodi (2012), peribahasa adalah urutan kata-kata yang terhad secara semantik dan sintaksis. Peribahasa berfungsi sebagai unit tunggal. Dari sudut pandangan semantik, kata tunggal di dalam peribahasa tidak boleh digunakan untuk menghasilkan makna bagi setiap ungkapan peribahasa. Makna sebuah perkataan haruslah terlebih dahulu difahami oleh seseorang pengguna sebelum dapat dirangkaikan sebagai peribahasa.

Hal ini selaras dengan hipotesis guru bahawa pelajar tidak dapat menggarap makna peribahasa dengan memahami satu atau dua kata tunggal, sekali gus menjejaskan pemahaman mereka. Bersandarkan amalan pengajaran Singapura (STP), pengkaji mengamalkan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan mengambil kira kesediaan pelajar. Pengetahuan sedia ada pelajar mengenai pemahaman makna perkataan-perkataan tertentu harus dipertimbangkan. Sekiranya tidak dititikberatkan, pelajar akan membuat tafsiran secara literal dan ini akan menjejaskan keupayaan mereka untuk memahami makna peribahasa yang sebenarnya.

Sekiranya pelajar memahami peribahasa, bukan sekadar menghafalnya dan menggunakannya dalam situasi sebenar, mereka boleh berkomunikasi dengan lebih baik. Bahan yang direka khas untuk mengajar peribahasa juga



harus disediakan melalui pelbagai latihan untuk membantu pelajar menguasai bahasa peribahasa. Terdapat keperluan untuk memberikan tugas berdasarkan tahap kebolehan pelajar bagi membantu mereka menangani kedua-dua pemahaman dan penghasilan peribahasa.

Mat Hassan (2016) dalam 'Warisan Budaya Pemikiran dalam Peribahasa Melayu' telah menekankan kepentingan mengenal pasti hubungan bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. Ini kerana pemikiran Melayu disampaikan dalam peribahasa Melayu yang jelas dan tersirat. Peribahasa Melayu juga mengandungi nilai-nilai sosial, moral, adat istiadat dan falsafah orang Melayu yang berkaitan dengan metafizik, epistemologi, etika, logik dan estetika yang mencerminkan interaksi mereka dengan persekitaran mereka. Kajian ini bertepatan dengan objektif pengkaji agar para pelajar melihat kerelevanan peribahasa dalam dunia Melayu yang merangkumi perkara-perkara di atas. Mat Hassan (2016) juga mendapati 74.5% peribahasa membincangkan warisan budaya pemikiran dari aspek sosiobudaya, 17.7% dari aspek sosioekonomi dan 7.8% dari aspek sosiopolitik.

Hubungan antara peribahasa dan budaya bermasyarakat ini menggambarkan pemikiran masyarakat Melayu dalam semua aspek kehidupan lahir dan batin yang seharusnya dijaga dan dipelihara untuk generasi muda. Maka itu, pembelajaran peribahasa tidak harus dijalankan melalui penghafalan semata-mata. Tekanan harus diberikan kepada pemahaman konsep atau ilmu yang disampaikan. Melalui kaedah pengajaran pembezaan, pengkaji memilih strategi aktiviti terbuka agar pelajar mampu untuk mengaplikasi atau mempamerkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Haskell (2001) meringkaskan pemahaman sebagai pemindahan pembelajaran yang boleh digambarkan dengan frasa-frasa seperti 'Perkara ini mengingatkan saya tentang' atau 'Perkara ini sama seperti'. Ini dikukuhkan lagi dengan kajian Schnell (2007) yang menekankan kepentingan para pelajar mentafsirkan makna peribahasa yang dimaksudkan melalui imejan atau pentafsiran mentalistik. Hanya melalui imejan yang tepat, para pelajar dapat meraih pemahaman yang mendalam. Sila rujuk Rajah 1.



## Rajah 1: Hipotesis Senarai Peribahasa



Lakoff (1993) mentafsirkan peribahasa sebagai sistem kognitif yang menyusun pemikiran dan tingkah laku kita. Beliau menganggap peribahasa berleluasa dalam kehidupan seharian, bukan hanya dalam bahasa, tetapi dalam pemikiran dan tindakan. Maka itu, adalah penting untuk para pelajar memahami dan mengalami peribahasa itu secara semula jadi. Dengan mengalami peribahasa tersebut, para pelajar dapat merasakan kesan ungkapan-ungkapan tertentu sekaligus mencetuskan emosi peribadi (Wan Abdul Kadir, 1993).

Kesimpulannya, pemahaman kontekstual dan kesedaran persekitaran sosial boleh meningkatkan minat untuk mendekati peribahasa. Teknik penghafalan tidak dapat mencerminkan makna peribahasa yang tepat serta mematikan minat para pelajar untuk menggunakannya sebagai suatu elemen bahasa yang berharga.

### KAEDAH KAJIAN

Tinjauan ini mencungkil strategi yang digunakan para pelajar untuk mempelajari peribahasa, kesukaran yang dihadapi sewaktu mempelajari peribahasa, pendapat pelajar mengenai kerelevanan peribahasa dan cabaran-cabaran yang dihadapi pelajar. Di samping itu, pengkaji menganalisis markah yang diperoleh pelajar bagi komponen peribahasa peperiksaan pertengahan dan akhir tahun 2018. Data yang diperoleh melalui tinjauan dan markah peperiksaan pertengahan tahun dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif pada hujung tahun.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

<b>Proses Pengajaran</b>	<b>Aspek Pengajaran</b>	<b>Aktiviti Mengajar</b>
Pelaksanaan Pelajaran	<p>AP 13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada</p> <p>AP 17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p>	<p>AM 4: STAR – Analisis Senario, Inkuiri Berpasukan, Aplikasi dan Refleksi Kuiz peribahasa akan dijalankan sebagai permulaan pengajaran.</p> <p>AM 2: Melakukan Tunjuk Cara Guru menunjukkan cara-cara wawancara yang betul sebagai permulaan untuk mencungkil cara mendapatkan maklumat daripada pihak tertentu dan mengaitkan kembali proses tersebut dengan jawapan bagi kuiz peribahasa. Guru memberikan masa untuk pelajar menjawab beberapa kuiz peribahasa secara berkumpulan dan kemudian mengajar pelajar untuk mencari pembayang serta maksud yang diinginkan dalam menganalisis kertas peperiksaan dengan memberikan contoh.</p>
Penilaian dan Maklum Balas	AP 24: Menyediakan Tugas yang Bermakna	AM 3: Latihan untuk Menguasai Guru mengajar format menghasilkan kertas ujian. Kemudian, pelajar akan cuba untuk mengeluarkan senario mengikut formula S,B,D (Siapa, Buat apa, Di mana) dalam sebuah perenggan.
Penerangan dan Justifikasi	Pelajar telah pun menjalani proses mencungkil maklumat melalui PPS. Pelajar diharapkan dapat berkongsi dapatan mereka di dalam kelas untuk menunjukkan pemahaman peribahasa yang lebih mendalam. Kemudian, pelajar akan diberi peluang untuk menghasilkan tugas sendiri dan diberikan kepada teman untuk menguji sesama diri.	

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian ini merupakan 24 orang pelajar Menengah 1 aliran Ekspres dan aliran Normal Akademik yang mengambil bahasa Melayu di peringkat Ekspres. Subjek kajian telah dikelompokkan mengikut tahap-tahap tertentu, iaitu melebihi aras kebolehan, pada aras kebolehan dan praaras kebolehan. Pengelompokan dilakukan mengikut markah yang diraih untuk komponen peribahasa dalam peperiksaan pertengahan tahun 2018. Pelajar yang berada pada tahap melebihi aras kebolehan mendapat antara 8 hingga 10 markah, pada aras kebolehan mendapat 6 hingga 8 markah dan di bawah aras kebolehan mendapat 5 markah ke bawah.



## **Instrumen Kajian**

Dua sesi pengajaran telah dijalankan bagi memastikan pelajar tahu matlamat penggunaan peribahasa dalam kehidupan seharian dan mengurangkan teknik hafalan dalam mempelajari peribahasa. Instrumen yang digunakan untuk menyampaikan pengajaran adalah lembaran kerja, kertas ujian peribahasa sebagai praujian dan pascaujian, portfolio peribahasa saya (PPS) dan senarai peribahasa mengikut sukatan SEAB. Selain itu, kaedah tinjauan dan pemberian perancah digunakan untuk menyelenggarakan pengajaran.

### *Lembaran Kerja*

Lembaran kerja diberikan kepada pelajar untuk membantu mereka mengenai konsep peribahasa yang abstrak dan konkrit. Konkrit bermakna pelajar dapat menggambarkannya menggunakan pengalaman kontekstual manakala abstrak merupakan peribahasa yang sukar difahami kerana tiada pengetahuan atau pengalaman yang berkaitan dengannya. Dengan adanya pembahagian sebegini, pengkaji dapat melihat kekuatan pelajar dalam memilih peribahasa yang dianggap mudah atau mencabar.

### *Kertas Ujian Peribahasa*

Kertas ujian peribahasa digunakan untuk meneliti kemampuan pelajar untuk menjawab soalan peribahasa dengan baik dan mempunyai pemahaman terhadap peribahasa yang dikemukakan. Kertas ujian yang sama telah diberikan kepada pelajar untuk praujian dan pascaujian agar pengkaji dapat melihat perubahan pada kelakonan pelajar setelah melalui pengajaran aktiviti bersifat terbuka ini sebagai usaha meningkatkan pemahaman mereka yang autentik terhadap peribahasa yang dipelajari.

### *Portfolio Peribahasa Saya*

Portfolio Peribahasa Saya (PPS) memuatkan beberapa soalan yang membolehkan para pelajar melakukan refleksi secara sendiri dan membandingkan pemahaman mereka dengan tanggapan penutur yang lebih dewasa. Portfolio ini bertujuan memperkukuh strategi aktiviti secara terbuka berasaskan pendekatan Pengajaran Pembezaan dengan mengambil kira kesediaan pelajar dalam melengkapkan portfolio mereka. Ini membolehkan mereka belajar melalui penghasilan produk yang dibina sendiri. Pelajar digalakkan untuk memperhalusi penguasaan peribahasa mereka. Pelajar juga berpeluang mengolah soalan yang ingin mereka tanyakan kepada orang lain berkenaan penggunaan peribahasa itu sendiri. Setiap PPS unik bagi



setiap pelajar dan memaparkan pemahaman kontekstual mereka terhadap peribahasa.

### *Kaedah Tinjauan*

Kaedah tinjauan meliputi soalan-soalan tinjauan yang dibina pelajar melalui wadah dalam talian. Mereka berpeluang berkongsi pengalaman dan kesukaran yang dihadapi dalam usaha memahami peribahasa Melayu. Pelajar juga dikehendaki membuat renungan sebelum memberikan maklum balas.

### *Kerja Kumpulan dalam Menghasilkan Soalan Peribahasa*

Soalan peribahasa seperti yang dapat ditemui dalam format kertas peperiksaan, dihasilkan pelajar secara berkumpulan mengikut tahap kemahiran mereka. Pelajar menggunakan pemahaman kontekstual yang telah diraih melalui proses penyempurnaan PPS. Pelajar kemudiannya menghasilkan soalan untuk menunjukkan penguasaan dan pemahaman peribahasa mereka sebelum berkongsi dengan rakan-rakan sekelas.

### **Prosedur Kajian**

Dalam pelaksanaan kajian, pengkaji telah menyiapkan kertas praujian dan pascaujian untuk mendapatkan data kuantitatif bagi tujuan kajian ini. Pelajar diminta memisahkan kata kunci dalam senarai peribahasa kepada dua bahagian, iaitu abstrak dan konkrit. Pengkaji membuat perbandingan pencapaian para subjek kajian sebelum dan selepas mereka didedahkan kepada kaedah ini melalui komponen markah peribahasa peperiksaan pertengahan dan akhir tahun 2018. Prosedur dijalankan melalui enam langkah utama.

Pertama, pelajar membuat tinjauan untuk memberikan gambaran mengenai latar belakang atau pengetahuan sedia ada mereka dan gaya pembelajaran yang sesuai bagi mendalami pengetahuan mengenai peribahasa. Kedua, pengkaji berkongsi dapatan tinjauan itu dengan pelajar. Ketiga, pelajar melakukan refleksi bagi membandingkan profil pembelajaran mereka dengan profil pembelajaran pelajar yang lebih dewasa. Keempat, pelajar merumus dan berkongsi pendapat mereka tentang ketidakupayaan mengaplikasikan peribahasa secara kerap. Kelima, pelajar cuba meningkatkan pemahaman peribahasa dengan menganalisis struktur dalaman soalan ujian atau kertas peperiksaan. Akhir sekali, pelajar menunjukkan pemahaman kontekstual mereka setelah melalui proses PPS dengan membina item untuk kertas peperiksaan bagi komponen peribahasa. Produk dan soalan yang dibina menunjukkan penghasilan mengikut tahap kebolehan pelajar. Item-item





itu kemudiannya dikembangkan menjadi soalan sampel yang dikongsikan dengan rakan sekelas mereka.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil daripada PPS, didapati pelajar secara purata jarang berkomunikasi dengan ahli keluarga, terutamanya dalam Bahasa Melayu. Mereka turut tidak menggunakan peribahasa dalam kehidupan seharian. Pelajar pada mulanya keberatan untuk menunjukkan PPS mereka kepada ibu bapa atau pelajar yang lebih dewasa yang lain kerana mereka kurang berkeyakinan untuk memulakan perbualan. Namun, pada peringkat akhir usaha ini, pelajar menunjukkan minat yang lebih mendalam terhadap peribahasa kerana menunjukkan keinginan berkongsi dapatan PPS. Pelajar turut mula menyedari hubungan antara peribahasa yang pernah dipelajari dengan penggunaannya kehidupan mereka sendiri.

Hampir kesemua pelajar menyatakan pemahaman yang lebih mendalam. Pelajar turut mendapati pembelajaran peribahasa lebih mudah dipelajari. Hal ini selaras dengan pendapat Christenbury (2000) yang menekankan kepentingan guru menegaskan pengetahuan pelajar dengan pelibatan secara langsung.

Pengkaji turut mendapatkan maklum balas para pelajar selepas sesi kerja kumpulan tersebut melalui sebuah video. Hal ini didokumentasikan setelah melihat kebolehan dan potensi pelajar menghasilkan item soalan peperiksaan secara kreatif untuk membentangkan pemahaman mereka.

Selain itu perbandingan peningkatan markah dalam peperiksaan pertengahan dan akhir tahun 2018 telah dilakukan oleh pengkaji. Dapatan menunjukkan penguasaan pelajar terhadap 15 senarai makna peribahasa yang diberikan sudah mula memberikan hasil yang positif. Pengkaji percaya secara tidak langsung, pembelajaran dengan menggunakan wadah PPS dan pengajaran pembezaan dapat memanfaatkan pelajar.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini menunjukkan keberkesanan penggunaan strategi aktiviti secara terbuka berasaskan pendekatan Pengajaran Pembezaan. Soalan-soalan dalam PPS mencungkil penghasilan produk yang berbeza melalui pemahaman kontekstual pelajar terhadap peribahasa. Pengkaji mendapati kaedah sebegini dapat menghasilkan dapatan kajian yang selari dengan objektif kajian dan



mengurangkan kebergantungan yang tinggi terhadap penghafalan peribahasa semata-mata.

Kajian ini membuktikan bahawa peribahasa boleh diajarkan secara bekesan sekiranya pelajar memahami konteks peribahasa tersebut. Pendekatan yang diambil haruslah diubah mengikut kesesuaian dan profil pelajar. Kajian ini mencabar kreativiti pengkaji dan mencabar pelajar untuk keluar daripada zon keselesaan mereka dengan meneroka melalui strategi terbuka bagi meningkatkan pemahaman kontekstual peribahasa Melayu.

## RUJUKAN

- Bobrow, S., dan BELL, S. (1973). On Catching On To Idiomatic Expressions. *Memory and Cognition*, 1, 343-346.
- Christenbury, L. (2000). *Making the journey: Being and becoming a teacher of English Language Arts* (2nd Ed). Portsmouth, NH: Boyton/Cook Publishers.
- Haskell, R.E. (2001). *Transfer of Learning: Cognitive, Instruction, And Reasoning*. New York: Academic Press.
- Mas. (2011). *Mutiara bijaksana*. Singapura: Angkatan Sasterawan 50.
- Mat Hassan, A. (2016). Warisan Budaya Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal PERADABAN*, 9(1), 1-10. Doi: 10.22452/Peradaban.Vol 9 No.1.1
- Mulyadi. (2001). Konsep Emosi dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 1(2): 28- 35.
- Norrick, N.R. (1994). Proverbial Emotions: How Proverbs Encode And Evaluate Emotion. To A Workshop of Teachers of Social Science, Organised By the Proverbium 11: 207-215
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Rahman, M. T. (1984). *Peribahasa dalam penggunaan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.



- Schnell, Z. (2007). Metaphor Processing and the Acquisition of Idioms: A Mentalistic Model. *Acta Linguistica Hungarica*, 54(1), 73-104. Doi 101556/ Aling. 54.2007.1.3
- Jr, R. W. (2017). Conceptual Metaphor Analysis. *Metaphor Wars*, 17-56. Doi:10.1017/9781107762350.002
- Lakoff, G. 1993. The Contemporary Theory of Metaphor. In A. Ortony (Ed.), *Metaphor and Thought* (Pp. 202-251). 2nd. Ed. Cambridge, England: Cam-Bridge University Press
- Hameed Joodi, A. (2012). A Study of the Problems of Learning and Translating Idioms. *J. Of College Of Education for Women*, 23(4), 1205-1241. Darpada <https://www.lasj.net/lasj?Func=Fulltext&Aid=74409>
- Wan Abdul Kadir. (1993). *Beberapa nilai dan worldview orang Melayu*. Kota Bharu dan Petaling Jaya: Masfami Enterprise.

